

Cheng Ho pelayar Muslim hebat



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

diplomata, laksamana armada Cina semasa awal dinasti Ming di China.

Diberikan nama Cheng Ho oleh Maharaja pertama Dinasti Ming iaitu Zhu Yuanzhang yang memerintah dari 1368-1398.

Maharaja Zhu mengalahkan Dinasti Yuan berbangsa Mongol daripada keturunan Genghiz Khan.

Dinasti Ming (1368-1644) mencapai kemuncak pemerintahannya ketika Maharaja Yongle memerintah dari 1402-1424.

Ketika itu tujuh misi pelayaran diplomatik diketuai Cheng Ho dilakukan ke Asia Tenggara, Asia Selatan, Asia Barat dan Afrika Timur dari 1405 dan 1433.

Beliau sampai ke India jauh lebih awal sebelum pelayar terkenal Eropah

membadai samudera seperti Columbus selama 87 tahun, Vasco da Gama (93 tahun) dan Magellan (116 tahun).

Laksamana Cheng Ho terpilih dan diberikan kepercayaan memimpin misi diplomatik atas keperibadiannya yang mulia.

Malah, beliau juga adalah pemimpin tertinggi tentera beragama Islam.

Misi beliau adalah bagi menjalinkan hubungan China dengan dunia luar, menjaga keamanan di laut selatan, menghapuskan ancaman lanun serta memberikan perlindungan kepada negara yang lemah.

Catatan sejarah menunjukkan, Kerajaan Kesultanan Melaka di bawah pemerintahan Parameswara pernah mendapat perlindungan daripada

kuasa besar China melalui Laksamana Cheng Ho.

Armada beliau sangat besar iaitu memiliki lebih 200 kapal bersama 27,000 anak kapal.

Ia jauh berbeza dengan pelayar Eropah seperti Columbus, Vasco da Gama dan Magellan yang masing-masing hanya mempunyai tiga hingga lima kapal.

Dalam pelayaran pertamanya dari 1405-1407, beliau berhenti di beberapa pelabuhan iaitu Champa, Java, Palembang, Melaka, Aru, Samudera, Lambri, Sri Lanka, Qulion (Kollam), Cochin, Calicut.

Beliau juga pernah singgah di Melaka dalam pelayarannya yang ketiga, keempat, kelima dan ketujuh.

Berdasarkan catatan

sejarah, beliau juga dikatakan pernah singgah di Pahang sebanyak dua kali dan Kelantan satu kali.

Sebagai Muslim yang taat kepada agamanya, beliau bercita-cita tinggi untuk menunaikan haji sebagai penyempurnaan kehidupan beragamanya.

Dalam pelayarannya yang ke-7, beliau berkesempatan ke Makkah bagi menunaikan umrah dan haji.

Misi Laksamana Cheng Ho amat berbeza dengan matlamat kebanyakan pelayar Eropah.

Columbus belayar ke Amerika bukan hanya untuk mencari emas dan harta, tetapi membunuh ramai penduduk pribumi. Red Indian dan menjualnya sebagai hamba ke Sepanyol, malah menjajah tanah.

Magellan pula belayar

mengelilingi dunia serta menganggap dirinya sebagai penjajah.

Akhirnya, beliau mati dalam peperangan dan pulang dengan hanya satu kapal dengan lapan belas anak kapal.

Berbeza dengan misi pelayaran Cheng Ho, beliau jauh lebih hebat dan sangat kuat daripada armada Eropah.

Beliau singgah ke banyak negara, tetapi tidak ada sebuah negara pun yang dijajahinya.

Malah, beliau menjalinkan hubungan diplomatik dengan semua negara dan meletakkan imej China di bawah pemerintahan Dinasti Ming.

Laksamana Cheng Ho meninggal dunia pada 1433.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan Profesor Jabatan Kimia di Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia

Cheng Ho adalah nama besar dan tidak asing lagi dalam masyarakat di Nusantara, malah di seluruh dunia.

Cheng Ho (Zheng He) atau nama asalnya, Ma Sanbao kemudian Ma He dilahirkan pada 1371 di daerah Kunyang dalam wilayah Yunnan, China.

Beliau berasal dari keturunan Hui iaitu etnik beragama Islam dari keturunan Cina dan keluarga Muslim yang soleh dan sangat dihormati.

Cheng Ho terkenal sebagai pelaut, penjelajah,